



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA 2021

Perpustakaan Negara Malaysia





Laporan Program Galakan Membaca 2021 Perpustakaan Negara Malaysia

2021 © Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa juga bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia.

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan Perpustakaan Negara Malaysia

LAPORAN PROGRAM GALAKAN MEMBACA

E-ISSN 2710-639X

1. Reading Promotion—Malaysia.
 2. Reading interest—Malaysia.
 3. Book and reading—Malaysia.
- I. Perpustakaan Negara Malaysia
028.909595



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

232 JALAN TUN RAZAK

50572 KUALA LUMPUR

TEL: 03-2687 1700

eISSN 2710-639X



9 772710 639009

ISI KANDUNGAN

MUKA
SURAT

SEKAPUR SIREH

3

**DASAR PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**

4

**PROGRAM GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**

- Sembang Ilmu 6
- Diskusi Minda Sempena Festival Semarak KLBBC 7
- Jom Baca Bersama 10 Minit 2021 8-16
- Program Semarak Iqra' 2021 17-19
- Program Negara Membaca 20-28

PROGRAM PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI

- Karnival Semarak Jawi @JAKIM 30-34
- Bengkel Penataran Tulisan Jawi 35
- Statistik Program Pembudayaan Tulisan Jawi 36

PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT

- Minggu Literasi Media dan Maklumat (LMM) Mega 2021 38-40
- Senarai Pelaksanaan Program Literasi Media dan Maklumat 2021 41-43
- Statistik Program Literasi Media dan Maklumat 44

**PROGRAM GALAKAN MEMBACA
PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI**

45-48

**PROGRAM GALAKAN MEMBACA
PERPUSTAKAAN DESA PNM**

49-50

**STATISTIK
PROGRAM GALAKAN MEMBACA KEBANGSAAN**

51-53

Sekapur Sireh, Seulas Pinang

YBrs Puan Salasiah binti Abdul Wahab

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam sejahtera.*



Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izinNya Laporan Program Galakan Membaca 2021, Perpustakaan Negara Malaysia berjaya diterbitkan. Saya bagi pihak pengurusan PNM ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada pihak urus setia atas usaha dan komitmen dalam memastikan kesinambungan penerbitan Laporan Galakan Membaca untuk tahun 2021 ini. Laporan ini amat bermakna kerana memberi gambaran setiap aspek perkembangan, program, aktiviti, pencapaian dan sebagainya dapat diketahui oleh kumpulan sasar.

Program galakan membaca yang dilaksanakan oleh semua perpustakaan bertujuan untuk memastikan budaya cintakan ilmu berjaya dipupuk di kalangan semua lapisan masyarakat terutamanya golongan belia selaras dengan hala tuju kerajaan untuk mewujudkan masyarakat yang kaya maklumat.

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Bangsa-Bangsa Bersatu juga boleh dicapai dengan mempergiatkan lagi program-program aktiviti membaca. Malaysia menekankan kepentingan pelaksanaan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) pada peringkat tempatan ke arah mencapai Agenda Pembangunan Mampan menjelang 2030 (Agenda 2030). Antara yang digariskan termasuk matlamat Pembangunan Mampan 4 yang menekankan mengenai pendidikan berkualiti secara inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua.

Akhir kata saya ingin menyeru warga perpustakaan seluruh Malaysia untuk terus berusaha dengan lebih tekun ke arah merealisasikan visi dan misi dalam mewujudkan masyarakat membaca dan berilmu pengetahuan tinggi. Walaupun cabaran mendatang akan terus meningkat di dalam usaha memupuk budaya membaca, segalanya boleh dilalui dengan komitmen yang tinggi, usaha yang berterusan dan kerjasama yang erat daripada pelbagai pihak termasuklah agensi kerajaan, syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan, institusi-institusi pendidikan dan juga orang awam.

BANGSA MEMBACA BANGSA BERJAYA

Sekian.

SALASIAH ABDUL WAHAB

Ketua Pengarah

Perpustakaan Negara Malaysia

DASAR GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

DASAR GALAKAN MEMBACA PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

'Memastikan program galakan membaca yang terancang dan berterusan dilaksanakan di seluruh negara bagi memupuk minat membaca serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat ke arah mewujudkan masyarakat berbudaya membaca dan cintakan ilmu'

Dasar ini adalah bagi memenuhi tujuan penubuhan Perpustakaan Negara mengikut Akta Perpustakaan Negara 1972 (Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006) (Akta 80) Bahagian II Seksyen 4(2)(m) iaitu: "menggalakkan dan memudahkan penanaman sifat gemar membaca."





**PROGRAM
GALAKAN MEMBACA
PERPUSTAKAAN
NEGARA MALAYSIA**

PROGRAM SEMBANG ILMU

Program Sembang Ilmu merupakan salah satu program galakan membaca yang berkonsepkan perkongsian ilmu mengenai isu-isu pembacaan dan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. Memandangkan situasi seluruh dunia yang terkesan dengan wabak COVID-19 yang sedang melanda dan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pada 18 Mac 2020 yang lalu, PNM merasakan aktiviti membaca perlu disemarakkan dan dipelbagaikan sebagai terapi minda kepada masyarakat yang sedang melalui fasa norma baharu ketika ini. Justeru, PNM mengambil inisiatif menjalankan program ini sebagai salah satu program galakan membaca pada tahun 2021.

Panel jemputan bagi program ini ialah Puan Emelda Rosmila. Beliau merupakan seorang pelakon dan model tanah air. Dalam sesi ini, beliau berkongsi bagaimana memupuk budaya membaca dalam kalangan ahli keluarga dan perkongsian penyediaan perpustakaan keluarga. Program ini telah disiarkan secara langsung menerusi Facebook rasmi Perpustakaan Negara Malaysia. Seramai 219 orang telah mengikuti siaran ini secara langsung dengan jumlah keseluruhan tontonan seramai 19,483.

PROGRAM SEMBANG ILMU BERSAMA
Emelda Rosemila

Minat Membaca dan Perpustakaan Keluarga

'Sembang-sembang mengenai minat membaca & perpustakaan keluarga beliau'

23 Februari 2021 (Selasa)
11.00 pagi - 12.00 tengah hari

f LIVE

Pelakon dan Model

PerpustakaanNegaraMalaysia PNM_Rasmi PNMRasmi www.pnm.gov.my pnm_rasmi pnmytube pnmsaluranSosial2

PROGRAM DISKUSI MINDA SEMPENA FESTIVAL SEMARAK KLWBC 2020

Program Diskusi Minda telah dilaksanakan pada 9 April 2021 secara dalam talian dan disiarkan secara langsung melalui saluran Facebook rasmi Perpustakaan Negara Malaysia. Memandangkan situasi seluruh dunia yang terkesan dengan wabak COVID-19 yang sedang melanda dan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) merasakan program galakan membaca merupakan antara aktiviti yang disyorkan sebagai terapi minda kepada masyarakat yang sedang melalui fasa di luar normal kebiasaan ketika itu. Program Diskusi Minda ini juga diadakan bersempena dengan Festival KLWBC 2020 Yang berlangsung mulai 9-11 April 2021.

Program ini merupakan platform perkongsian amalan membaca oleh panel jemputan bersama masyarakat dan diharapkan ia dapat menyuntik semangat positif dalam diri seseorang individu khususnya golongan berkeperluan khas mengenai kepentingan membaca dan penguasaan ilmu pengetahuan. Program ini juga bermatlamat untuk menyemarakkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat dan sebagai inspirasi kepada golongan berkeperluan khas agar menjadikan membaca sebagai satu budaya.



Panel jemputan program ini ialah YBhg. Dato' Mah Hassan Omar, Pengarah Urusan KL Braille Resources yang merupakan seorang peguam OKU penglihatan pertama negara. Selain itu beliau juga merupakan perintis Projek al-Quran Braille, Presiden Persatuan Braille Malaysia dan pemenang pingat emas sukan catur Sukan Paralimpik ASEAN 2009. Dalam sesi ini, beliau telah berkongsi tip kejayaan beliau iaitu bagaimana ilmu boleh mengubah kehidupan seseorang ke tahap yang lebih baik.



PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2021

Program 'Jom Baca Bersama 10 Minit' yang disambut pada 23 April setiap tahun, merupakan Program Galakan Membaca yang diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia. Ia bertujuan untuk menggalakkan pembacaan, penerbitan dan perlindungan harta intelek hak cipta dan merupakan simbolik kepada amalan membaca yang dicetuskan menerusi pembacaan serentak selama 10 minit di seluruh negara.

Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2014 dengan kerjasama Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) dan turut disertai dan disokong oleh perpustakaan komuniti, perpustakaan khusus gunasama, perpustakaan desa, institusi pendidikan dan tidak ketinggalan turut disertai oleh sektor swasta dan badan bukan kerajaan. Pada tahun 2015, Perpustakaan Negara Malaysia mengangkat program ini sebagai program galakan membaca peringkat kebangsaan.

Buat julung kalinya iaitu pada tahun 2020, program ini dilaksanakan dalam talian berikutan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak pandemik Covid-19. Pada tahun 2021, program ini telah dijalankan secara hibrid iaitu secara fizikal dan dalam talian pada 22 April 2021 (Khamis). Bagi saluran dalam talian, program ini disiarkan secara langsung menerusi Facebook Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

OBJEKTIF PROGRAM

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk:

- Menyemarakkan amalan membaca sebagai gaya hidup masyarakat Malaysia;
- Menyemai semangat cintakan ilmu dalam kalangan masyarakat Malaysia menerusi program galakan membaca; dan
- Menyokong pelaksanaan gerakan Dekad Membaca Kebangsaan 2020-2030

PELAKSANAAN PROGRAM

Program ini dilaksanakan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM) pada 22 April 2021 secara hibrid bermula jam 10.00 pagi hingga 12.30 tengah hari. Pelaksanaan secara fizikal telah diadakan di Tingkat 10, Menara Perpustakaan Negara Malaysia. Manakala program dalam talian, disiarkan secara langsung menerusi Facebook rasmi Perpustakaan Negara Malaysia.

Program dimulakan dengan tayangan montaj 'Jom Baca Bersama 10 Minit 2021', seterusnya diteruskan dengan sesi bacaan senyap secara serentak selama 10 minit bermula jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi. Segmen ini merupakan acara kemuncak kepada program ini dan menjadi simbol bahawa amalan budaya membaca secara berterusan dapat membentuk masyarakat berbudaya membaca.

Sesi seterusnya diisi dengan sesi Bacaan Kegemaran Saya oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Beliau telah berkongsi tentang buku pilihannya yang bertajuk '*Reimagining India*'.

Program diteruskan dengan tayangan ucapan 'Jom Baca Bersama 10 Minit' oleh kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum antaranya Melayu, Cina, India dan Iban. Seterusnya, program turut diserikan dengan persembahan sajak bertajuk 'Berkelana di Alam Buku', disampaikan oleh adik Tai Weuy Liang yang merupakan pemenang saguhati Pertandingan Deklamasi Puisi anjuran Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) pada bulan Mei 2020.

Majlis perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Seramai 87 orang peserta telah menyertai program ini secara fizikal manakala 334 orang telah menyertai siaran langsung secara maya melalui Youtube *PNM TV Channel* dengan jumlah tontonan keseluruhan sebanyak 3,374. Manakala jumlah keseluruhan penyertaan 'Jom Baca Bersama 10 Minit' 2021 di seluruh Malaysia adalah seramai 3,248,851 orang.

PENGISIAN PROGRAM

Pelbagai program telah disusun bagi memberi impak yang lebih tinggi kepada program Jom Baca Bersama 10 Minit 2021. Antara program yang telah disyorkan adalah pertandingan Lensa Baca dan *Doodle* Jawi yang diadakan secara dalam talian. Bagi Pertandingan Lensa Baca, penyertaan terbuka kepada rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas. Manakala pertandingan *Doodle* Jawi pula terbahagi kepada dua kategori iaitu, kategori A: berumur 12 tahun ke bawah dan kategori B: berumur 13 hingga 17 tahun. Pertandingan ini telah diadakan pada 14 Mac 2021 hingga 14 April 2021 dan pengumuman pemenang telah dibuat pada 23 April 2021.

Selain itu, 'Jom Baca Bersama 10 Minit' 2021 turut diisi dengan segmen Sembang Karya. Panel jemputan bagi segmen ini ialah Encik Mohd Khair Ngadiron, Pengarah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia. Beliau berkongsi dan mengupas buku hasil tulisan beliau yang bertajuk 'Grab Blues: CEO Jadi Pemandu' yang diterbitkan pada tahun 2021.

Seramai 87 orang telah menyertai program ini secara bersemuka. Manakala seramai 334 orang telah menyertai secara dalam talian menerusi siaran langsung di Facebook rasmi Perpustakaan Negara Malaysia. Jumlah keseluruhan tontonan program ini secara dalam talian ialah 3,374 tontonan.



PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2021

PEMENANG PERTANDINGAN LENSA BACA
SEMPENA JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2021



TEMPAT PERTAMA
Mohamad Nahari bin Naha

“



TEMPAT KEDUA
MOHAMED NAZRI BIN
MOHAMED TAHIR

“



TEMPAT KETIGA
Mohd Hafizan bin Ilias

“

PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2021

PEMENANG PERTANDINGAN DOODLE JAWI
SEMPENA JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2021

Kategori A: 12 Tahun ke bawah)



TEMPAT PERTAMA
Muhammad Faizzuan bin
Mohamad Soh
(12 Tahun)



TEMPAT KEDUA
Nazatul Haina binti Nazrun
(9 Tahun)




TEMPAT KETIGA
Wan Nursabrah Auni binti Tun
Mohd Fazlilah
(12 Tahun)


Kategori B: 13-17 Tahun



TEMPAT PERTAMA
Zaleha binti Zainuddin
(17 Tahun)



TEMPAT KEDUA
Adib Ubaidillah bin Azhar
(16 Tahun)



TEMPAT KETIGA
Afiqah Amalina binti Razlan
(17 Tahun)


**STATISTIK PENYERTAAN PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2021
MENGIKUT NEGERI**

BIL.	NEGERI	JUMLAH PENYERTAAN
1.	Johor	394,331
2.	Kedah	148,973
3.	Kelantan	303,114
4.	Melaka	174,145
5.	Negeri Sembilan	80,145
6.	Pahang	211,754
7.	Perak	33,637
8.	Perlis	290,323
9.	Pulau Pinang	80,680
10.	Sabah	359,485
11.	Sarawak	345,083
12.	Selangor	536,837
13.	Terengganu	133,712
14.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	145,267
	Wilayah Persekutuan Labuan	191
	Wilayah Persekutuan Putrajaya	11,174
	JUMLAH	3, 248, 851

Sumber: Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS)

**STATISTIK PERBANDINGAN JUMLAH PENYERTAAN
PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2021
MENGIKUT TAHUN (2015- 2021)**

Bil.	Tahun	Jumlah Penyertaan
1.	2015	2,544,139
2.	2016	4,250,076
3.	2017	5,804,052
4.	2018	5,839,562
5.	2019	6,403,714
6.	2020	1,389,774
7.	2021	3,248,851
Jumlah		29,480,168



Nota: Penurunan statistik penyertaan pada tahun 2020 adalah disebabkan perintah kawalan pergerakan akibat pandemik COVID-19

GAMBAR SEKITAR PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2021



Tayangan ucapan perasmian YB. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan sesi Jom Baca Bersama 10 Minit



Peserta Sesi Jom Baca Bersama 10 Minit



Peserta Sesi Jom Baca Bersama 10 Minit

GAMBAR SEKITAR PROGRAM JOM BACA BERSAMA 10 MINIT 2021



Segmen Sembang Karya bersama Encik Mohd. Khair Ngadiron, Pengarah Majlis Buku Kebangsaan Malaysia mengupas buku tulisan beliau bertajuk 'GRAB Blues: CEO Jadi Pemandu'



Persembahan Sajak bertajuk "Berkelana di Alam Buku" oleh Adik Tai Weuy Liang, pemenang saguhati bagi Pertandingan Deklamasi Puisi yang telah dianjurkan oleh Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara (PRMLN) pada Mei 2020.



Sesi bergambar beramai-ramai antara Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia dengan peserta yang hadir secara bersemuka.




PROGRAM SEMARAK IQRA' 2021 (6 MEI 2021 / 24 RAMADAN 1442H)

Program Semarak Iqra' merupakan program Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) yang menyokong pelaksanaan World #QuranHour anjuran Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) bertujuan menerapkan amalan membaca al-Quran bagi membentuk akhlak yang mulia dalam diri semua insan. Program ini mula dilaksanakan oleh PNM sejak tahun 2016 dan dinamakan sebagai WORLD #QuranHour@PNM, namun dijenamakan semula sebagai Semarak Iqra' pada tahun 2021 bagi pelaksanaan di peringkat PNM. Pada tahun 2021, program ini telah dilaksanakan pada 6 Mei 2021 bersamaan 24 Ramadan 1442H secara hibrid iaitu, secara dalam talian dan secara bersemuka.

Pada dasarnya, objektif program ini adalah untuk membudayakan bacaan al-Quran serta menjadikan al-Quran rujukan utama dalam kehidupan harian. Lebih utama lagi al-Quran merupakan solusi kepada perpaduan umat di seluruh dunia khususnya di Malaysia. Melalui program ini juga, diharapkan rakyat Malaysia terus membudayakan dan menghayati kandungan al-Quran walau di mana berada.

Antara pengisian aktiviti Program Semarak Iqra' adalah bacaan ayat-ayat suci al-Quran oleh Muhammad Qayyim Nizar bin Sarimi, Johan Qari Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan, Santapan Rohani, Sesi Tadabur dan Tadarus Surah Al-Mulk: surah ke 67, ayat 30, Makkiah. Pada tahun ini tema yang diangkat adalah 'Motivasi Diri'.

Seramai 84 orang telah menyertai program ini secara bersemuka dan 162 orang telah menyertai secara langsung dalam talian menerusi saluran Youtube PNM TV Channel dengan jumlah keseluruhan tontonan sebanyak 1,311.



GAMBAR SEKITAR PROGRAM SEMARAK IQRA' 2021



Turut hadir Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah Perkhidmatan Korporat serta warga Perpustakaan Negara Malaysia



Tetamu undangan dari Majlis Kebangsaan Orang Buta Malaysia



Sesi Tadarus Surah Al-Mulk bersama Tuan Haji Azwan Ali

GAMBAR SEKITAR PROGRAM SEMARAK IQRA' 2021

Bacaan ayat-ayat suci al-Quran oleh adik Qayyim Nizar bin Sarimi, johan Qari Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan 1441H/2020



Sesi Tadabur Surah Al-Mulk bersama Ustaz Mohd Nadzri bin Mustaqim, Imam Masjid Negara.

Santapan Rohani: 'Mahligai Tanpa Bayaran' oleh Ustaz Syamsul bin Abdul Roni, Pegawai Masjid Negara



Poster promosi Semarak Iqra'

PROGRAM NEGARA MEMBACA 2021

Program Negara Membaca 2021 program baharu PNM yang bertujuan untuk membugarkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia dan sebagai sokongan kepada Gerakan Dekad Membaca Kebangsaan 2030 yang bermatlamat mewujudkan negara membaca menjelang 2030. Program ini dilaksanakan pada bulan Julai hingga Oktober 2021. Antara pengisian Program Negara Membaca yang diadakan pada tahun 2021 ialah Program Pencinta Buku, Pertandingan Famili Malaysia Membaca, Anugerah Pembaca Aktif Kebangsaan 2020 dan Travelog Baca.

PROGRAM PENCINTA BUKU

Program Pencinta Buku merupakan salah satu pengisian dalam Program Negara Membaca. Tokoh- tokoh dalam bidang atau ikon yang diundang untuk berkongsi pengalaman dan genre bahan bacaan serta penulisan mereka kepada masyarakat umum. Program ini telah diadakan sebanyak empat (4) siri. Siri pertama telah diadakan pada 12 Julai 2021 bersama Puan Ain Maisara, penulis novel remaja dan Encik Ahmad Abdul, penulis travelog. Program ini disiarkan secara langsung menerusi saluran Youtube PNM TV Channel. Seramai 480 orang telah menyertai secara langsung program ini dengan jumlah tontonan seramai 4,070.


Siri ke-2 Program Pencinta Buku telah diadakan pada 15 Julai 2022. Panel jemputan bagi siri ini adalah YBr. Dr. Raja Rajeswari Seetha Rahman yang merupakan seorang pensyarah bebas, penulis, penyair dan juga penterjemah. Manakala moderator pula adalah Dr. Ghazali Mohamed Fadzil dari Persatuan Pustakawan Malaysia. Seramai 413 orang telah menonton secara langsung dengan jumlah keseluruhan tontonan 2,840.

Program Pencinta Buku Siri Ke-3 pula telah diadakan pada 26 Julai 2021 dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Panel jemputan bagi siri ini adalah Puan Nisah Haji Harun (Novelis) dan Puan Gina Yap Lai Yoong (Penulis). Siri ini telah diadakan secara dalam talian secara langsung menerusi Facebook rasmi Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKKM). Seramai 248 orang telah menonton secara langsung sesi ini dengan jumlah keseluruhan tontonan sebanyak 14,887.

Program Pencinta Buku Siri Ke-4 telah diadakan pada 14 Oktober 2021 dan panel jemputan bagi siri ini ialah YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Beliau telah berkongsi topik yang menarik berkenaan dengan 'Budaya Membaca di Negara Matahari Terbit'. Seramai 214 orang menonton secara langsung dengan jumlah keseluruhan tontonan seramai 1,453.




GAMBAR- GAMBAR SIARAN LANGSUNG PROGRAM NEGARA MEMBACA 2021



Program Negara Membaca: Pencinta Buku Siri Pertama

Moderator: Hafiz Latiff (Presiden Persatuan Booktube Malaysia)

Ahli Panel: Ahmad Abdul (Penulis) dan Ain Maisarah (Penulis)



Program Negara Membaca: Pencinta Buku Siri Ke- 2

Moderator: Dr. Ghazali Mohamed Fadzil (Persatuan Pustakawan Malaysia)

Ahli Panel: Dr. Raja Rajeswari Seetha Raman (Pensyarah Bebas, Penulis, Penyair & Penterjemah)




Program Negara Membaca: Pencinta Buku Siri Ke- 3

anjuran Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM)


Moderator: Encik Rozlan Mohamed Noor

Panel: Puan Gina Yap Lai Yoong (Penulis) dan Puan Nisah Haron (Penulis)



Program Negara Membaca: Pencinta Buku Siri Ke- 4

Ucapan perasmian Program Pencinta Buku sempena Program Negara Membaca oleh YB. Dato Seri Dr. Santhara J.P., Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya



Program Negara Membaca: Pencinta Buku Siri Ke- 4

Panel: YBhg. Datuk Wira Dr. Noor Zari bin Hamat, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya


Moderator: Encik A.Azli bin Adb Rahim, Timbalan Pengarah Kanan, Perpustakaan Negara Malaysia.



PROGRAM NEGARA MEMBACA 2021

PERTANDINGAN FAMILI MALAYSIA MEMBACA

Pertandingan ini merupakan pertandingan ulasan buku yang memaparkan aktiviti membaca bersama keluarga dalam bentuk rakaman video yang kreatif antara ibu atau bapa bersama anak. Peserta kemudiannya perlu memuat naik video ulasan buku mereka ke laman Facebook masing-masing dengan meletakkan tanda pagar #familimalaysiamembaca dan #negaramembaca. Pertandingan ini telah berlangsung secara dalam talian bermula 28 Julai 2021 hingga 20 Ogos 2021. Seramai 216 keluarga telah menyertai pertandingan ini. Pemenang menerima sijil penghargaan dan hadiah berupa wang tunai bernilai seperti berikut:

-  Tempat Pertama - RM2,000.00 x 1 keluarga
-  Tempat Kedua - RM1,500.00 x 1 keluarga
-  Tempat Ketiga - RM1,000.00 x 1 keluarga
-  Saguhati - RM400.00 x 5 keluarga

POSTER PROMOSI PERTANDINGAN FAMILI MALAYSIA MEMBACA



Program
**NEGARA
MEMBACA**

Pertandingan
**FAMILI
MALAYSIA
MEMBACA**

Tempoh Pertandingan
28 Julai - 20 Ogos 2021

Sila imbas QR CODE

**BORANG
PENDAFTARAN** **SYARAT-SYARAT
PERTANDINGAN**

Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

URUS SETIA
PERTANDINGAN FAMILI MALAYSIA MEMBACA
DIVISI BAKARAN ITERSASI MAKLUMAT
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
232 JALAN TUN RAZAK
50572 KUALA LUMPUR

Cik Afiqah Zainal Abidin
No. Tel: 03-2697 4386
E-mel: adafarad@prmm.gov.my

Puan Nur Fatimah Al-Zahrah Moh
No. Tel: 03-2697 4394
E-mel: cherana@prmm.gov.my

Hasilkan video kreatif
**ULASAN BUKU
&
AKTIVITI MEMBACA
KELUARGA**

www.prm.gov.my PerputakaanNegaraMalaysia PNM_Isiiti prmm_mami prmmube PMSMami prmmucommsd



PROGRAM NEGARA MEMBACA 2021

Pemenang Pertandingan Famili Malaysia Membaca

Tempat Pertama

Siti Hidayana binti Nassiri
dan
Amzar Uwais bin Md. Sabaruddin

Saguhati

Faridah binti Mohd Tap
dan
Muhammad bin Hamzah

Tempat Kedua

Husaini bin Md Rasid
dan
Adam Hakimi bin Husaini

Saguhati

Hood bin Mohd Akahsah
dan
Hani binti Hood

Tempat Ketiga

Seng Jo Ann
dan
Lim Jayee

Saguhati

Nor Afiza binti Ibrahim
dan
Aiesyah Aqilah binti Nizam

Saguhati

Kok Mun Loong
dan
Kok Yik Lerk



PROGRAM NEGARA MEMBACA 2021

ANUGERAH PEMBACA AKTIF KEBANGSAAN 2020

Anugerah ini diberikan oleh Perpustakaan Negara Malaysia kepada individu yang membuat pinjaman buku paling banyak sepanjang tahun 2020 dan sebagai pengiktirafan kepada pembaca yang paling banyak meminjam buku di peringkat Kebangsaan. Pencalonan anugerah ini diperoleh daripada perpustakaan awam negeri seluruh Malaysia. Sebanyak lima (5) kategori penerima anugerah ini iaitu, Kategori Kanak-kanak, Remaja, Dewasa, Orang Kurang Upaya (OKU) fizikal dan Peminjam Buku Berkelompok daripada jabatan dan agensi). Pengumuman anugerah ini telah diadakan secara dalam talian menerusi saluran Youtube PNM TV Channel pada 12 Ogos 2021. Seramai 248 orang menonton siaran rakaman anugerah ini dan jumlah keseluruhan tontonan ialah 1,823. Majlis ini telah dirasmikan oleh YB. Dato' Seri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Setiap penerima anugerah diberikan wang tunai dan sijil penghargaan sebagai dorongan dan galakan untuk terus menjadikan membaca sebagai budaya dalam kehidupan.

The image displays promotional materials for the National Active Reader Award 2020. It includes two identical posters and a detailed schedule of events.

Poster Details:


- Title:** Anugerah PEMBACA-AKTIF-KEBANGSAAN 2020
- Organizers:** Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) and Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).
- Category:** Dewasa, Remaja, Kanak-kanak, Orang Kurang Upaya (OKU), Peminjam Buku Berkelompok Terbanyak.
- Event Date:** 12 Ogos 2021 (Khamis) 11.00 pagi - 12.00 tengah hari.
- Platform:** LIVE on YouTube, PNM TV CHANNEL.
- Host:** Dirasmikan oleh YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC).

Atur cara (Schedule):

- 11.00 pagi: Pendaftaran Peserta
- 11.05 pagi: Video Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia 2020 (KLWB2020)
- Video Promosi PNM TV Channel
- 11.10 pagi: Ucapan Perasmian YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)
- 11.15 pagi: Montaj Video Anugerah Pembaca Aktif Kebangsaan 2020
- 11.20 pagi: Persembahan Puisi Pembacaan oleh YBrs. Dr Raja Rajeswari Seetha Raman, Pemulsi Tanah Air
- 11.25 pagi: Video pengumuman Anugerah Pembaca Aktif Kebangsaan
- 11.40 pagi: Ulasan Buku Program Negara Membaca@PNM
- 11.55 pagi: Lagu Budaya Membaca
- 12.00 t/hari: Majlis Selesai

Poster promosi dan atur cara Anugerah Pembaca Aktif Kebangsaan

PROGRAM NEGARA MEMBACA 2021
ANUGERAH PEMBACA AKTIF KEBANGSAAN 2020



Tayangan ucapan perasmian oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)


Penerima Anugerah Pembaca Aktif Kebangsaan 2020



Kategori Kanak-kanak




Kategori Remaja



Kategori Dewasa



Kategori Orang Kurang Upaya (OKU) fizikal



Kategori Peminjam Buku Berkelompok (jabatan/ agensi)




PROGRAM NEGARA MEMBACA 2021
ANUGERAH PEMBACA AKTIF KEBANGSAAN 2020




Tayangan video persembahan puisi oleh YBrs. Dr Rajeswari Seetha Raman, Pemuisi Tanah Air


Tayangan video ulasan buku sempena Program Negara Membaca yang dikongsikan di media sosial oleh peserta dari pelbagai kategori umur




Adik Siti Nor Amalya Sofea




Adik Dee Dee Cheng




Adik Bhavesha Kuhenesh



Adik Nor Azlinda binti Mat Tahir



Puan Wardah Sina



Cik Jasreena Jamil



Adik Muhamad Nazeem Iqbal



PROGRAM NEGARA MEMBACA 2021

PROGRAM TRAVELOG BACA

Program Travelog Baca merupakan saluran perkongsian pengalaman, inspirasi dan aspirasi mengenai pembacaan oleh panel jemputan yang terdiri daripada tokoh pembacaan. Saluran siaran bagi program ini ialah menerusi Youtube PNM TV Channel. Program ini dibahagikan kepada dua siri. Siri pertama telah diadakan pada 4 Oktober 2021 dan dirasmikan oleh YB. Datuk Seri Dr. Santhara J.P, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.

Panel jemputan bagi siri pertama ialah YBhg. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air. PNM juga turut mengundang Tuan Sayed Munawar Sayed Mustar, pengacara bebas sebagai moderator Travelog Baca Siri 1. Jumlah penyertaan bagi Travelog Baca Siri 1 ialah seramai 221 penonton secara langsung dan jumlah keseluruhan tontonan ialah seramai 2,191.

Siri ke-2 Travelog Baca pula telah diadakan pada 18 Oktober 2021 dan disiarkan secara langsung menerusi saluran Youtube PNM TV Channel. Panel jemputan bagi siri ke-2 ialah Dr. Lim Swee Tim, Penyair/Penulis dan moderator pula ialah Tuan Asri Husin, Setiausaha Agung Persatuan Penyair Malaysia. Seramai 176 penonton secara langsung telah menyertai sesi ini dan jumlah keseluruhan tontonan ialah sebanyak 1,457.

Anjuran MAMPU MAMPU BERSAMA
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

Program NEGARA MEMBACA
Travelog Baca

Ahli Panel
Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang
Ketua Setiausaha
Kementerian Alam Sekitar dan Air

Moderator
Tuan Sayed Munawar Sayed Mustar
Pengacara Bebas

Ahli Panel
Dr. Lim Swee Tim
Penyair / Penulis

Moderator
Tuan Asri Husin
Setiausaha Agung
Persatuan Penyair Malaysia

SIRI 1 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)
9.30 pagi - 12.00 tengah hari

SIRI 2 18 OKTOBER 2021 (ISNIN)
9.30 pagi - 12.00 tengah hari

YOUTUBE CHANNEL PNM TV CHANNEL

www.pnm.gov.my | #pergerakannegara2021 | PNM_Rumi | pnm_rumi | pnm_rumi | PNM_rumi | PNM_rumi | pnm_rumi

Poster Promosi Travelog Baca

PROGRAM NEGARA MEMBACA 2021 GAMBAR SIARAN PROGRAM TRAVELOG BACA



Program bual bicara mengenai aspirasi dan pengalaman dalam pembacaan oleh ahli panel jemputan iaitu Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang dan dikendalikan oleh Tuan Syed Munawar Syed Mustar.




Ucapan alu-aluan oleh YBrs. Puan Salasiah Abdul Wahab, Ketua Pengarah, Perpustakaan Negara Malaysia



Program bual bicara mengenai aspirasi dan pengalaman dalam pembacaan oleh Ahli panel jemputan iaitu YBrs. Dr. Lim Swee Tin dan dikendalikan oleh Tuan Asri Husin.





PROGRAM PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI

KARNIVAL SEMARAK JAWI @JAKIM 2021

Karnival Semarak Jawi @JAKIM 2021 merupakan program pembudayaan tulisan Jawi yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Karnival ini telah diadakan secara dalam talian pada 28 September 2021 sehingga 29 September 2021 menerusi saluran Youtube PNM TV Channel. Selain daripada pengisian utama karnival ini, terdapat juga pengisian aktiviti berbentuk pertandingan yang turut diadakan secara dalam talian bermula 30 September 2021 sehingga 25 Oktober 2021. Karnival ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Jusoh, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Seramai 1,228 orang penonton secara langsung telah menyertai Majlis Perasmian, Bacaan Kegemaran Saya, Forum Pelestarian Tulisan Jawi dalam Era Digital dan Modenisasi serta e-Literasi Jawi Siri 1 dan 2. Jumlah keseluruhan tontonan ialah sebanyak 10,035. Manakala Jumlah keseluruhan penyertaan bagi Pertandingan Tulisan Jawi Dalam Talian ialah seramai 452 orang.

PENGISIAN PROGRAM

28 September 2021

- **Majlis Perasmian** telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Abdul Aziz bin Jusoh, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- **Bacaan Kegemaran Saya** bersama YBrs. Dr. Lokman bin Ab. Rahman, Pengarah Bahagian Penerbitan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- **e-Literasi Jawi Siri 1** bersama Ustazah Noor Anita Sihab@ Abdul Rahman, Munsyi Jawi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

29 September 2021

- **Forum: “Pelestarian Tulisan Jawi dalam era Digital dan Modenisasi”** bersama YBhg. Profesor. Emeritus Dato’ Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Ab. Majid, Pengerusi Majlis Dakwah Negara dan YBrs. Profesor Emeritus Dr. Mohamad Bohari bin Ahmad, Mantan Profesor Emeritus Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII). Manakala moderator ialah Tuan Haji Sallehuddin bin Arshad dari Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Perak.
- **e-Literasi Jawi Siri Ke-2** bersama YBrs. Profesor Madya Dr. Adi Yasran bin Abdul Aziz, Timbalan Dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM).

28 September 2021- 25 Oktober 2021

- Pertandingan Tulisan Jawi Dalam Talian
- Pertandingan Si Cilik Pintar Jawi
- Pertandingan Tinta Jawi Kreatif
- Pertandingan Cabaran Jejak Jawi
- Pertandingan Seni Khat
- Pertandingan Pantun Jawi



KARNIVAL SEMARAK JAWI @JAKIM 2021

POSTER PROMMOSI PROGRAM SEMARAK JAWI @JAKIM

Anjuran: **ANJURAN BERSAMA**

BAJAJEN KAKMARIN SAI
BACAAN KEGEMARAN SAYA
28 September 2021
11.00 Pagi - 12.00 Tengah Hari

FORUM: FILSAFAH TULISAN JAWI DALAM ERA DIGITAL DAN MODERNISASI
28 September 2021
10.30 Pagi - 11.30 Pagi

AYI-ILITERASI JAWI: SIRI 1 DAN 2
28 September 2021
2.30 Petang - 4.30 Petang

PERUNDANGAN TULISAN JAWI DALAM TELIAN
28 September - 25 Oktober 2021

YBhg. Dr. Lokman Bin Ab. Rahman
YBhg. Prof. Emeritus Dr. Richard Bernard Bin Ahmad
YBhg. Prof. Emeritus Dr. Hani Yusoff
YBhg. Prof. Emeritus Dr. Hani Yusoff
YBhg. Prof. Emeritus Dr. Hani Yusoff

YBhg. Datuk Abdul Aziz Bin Jusoh
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Anjuran: **ANJURAN BERSAMA**

MAJLIS FRASTEMIN
MAJLIS PERASMIAN
28hb SEPTEMBER 2021
10.00 PAGI

BAJAJEN KAKMARIN SAI
BACAAN KEGEMARAN SAYA
28 September 2021
11.00 Pagi - 12.00 Tengah Hari

FORUM: FILSAFAH TULISAN JAWI DALAM ERA DIGITAL DAN MODERNISASI
28 September 2021
10.30 Pagi - 11.30 Pagi

AYI-ILITERASI JAWI: SIRI 1 DAN 2
28 September 2021
2.30 Petang - 4.30 Petang

PERUNDANGAN TULISAN JAWI DALAM TELIAN
28 September - 25 Oktober 2021

YBhg. Datuk Abdul Aziz Bin Jusoh
Ketua Pengarah
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Anjuran: **ANJURAN BERSAMA**

BAJAJEN KAKMARIN SAI
BACAAN KEGEMARAN SAYA
28 SEPTEMBER 2021
11.00 Pagi - 12.00 Tengah Hari

FORUM: FILSAFAH TULISAN JAWI DALAM ERA DIGITAL DAN MODERNISASI
28 September 2021
10.30 Pagi - 11.30 Pagi

AYI-ILITERASI JAWI: SIRI 1 DAN 2
28 September 2021
2.30 Petang - 4.30 Petang

PERUNDANGAN TULISAN JAWI DALAM TELIAN
28 September - 25 Oktober 2021

YBhg. Dr. Lokman Bin Ab. Rahman
Penaar Bahagian Penerbitan
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Moderator
USTAZAH NAZIRAH BINTI ABU BAKAR
PEGAUWAHAL ERWAL ISLAM
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

Anjuran: **ANJURAN BERSAMA**

AYI-ILITERASI JAWI: SIRI 1 DAN 2
e-Literasi Jawi: Siri 1 dan 2

SIRI 1: EJAAN JAWI BAGI KATA MELAYU JATI
29 September 2021
2.30 petang - 4.30 petang
USTAZAH NOOR ANITA BINTI SHAHABUDDIN RAHMAN
MUNSYI JAWI DBP

SIRI 2: EJAAN JAWI BAGI KATA SERAPAN
29 September 2021
2.30 petang - 4.30 petang
YBRS. PROFESOR MADYA DR. ADI YASRAN BIN ABDUL AZIZ
TIMBALAN DEKAN FAKULTI BAHASA KOREAN DAN JEPUNGAS
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Anjuran: **ANJURAN BERSAMA**

FORUM: FILSAFAH TULISAN JAWI DALAM ERA DIGITAL DAN MODERNISASI
29 September 2021
10.00 pagi - 11.30 pagi

AYI-ILITERASI JAWI: SIRI 1 DAN 2
29 September 2021
2.30 petang - 4.30 petang

PERUNDANGAN TULISAN JAWI DALAM TELIAN
28 September - 25 Oktober 2021

Moderator
TUAN HAZI SALEHIDDIN BIN HAZI AHSAD
PENCANAH BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMAJUAN PENYORONGAN ISLAM
SEKTOR PENYORONGAN ISLAM BAHAGIAN PENYORONGAN NEGARA

Abdi Panel
YBRS. PROFESOR EMERITUS
DR. MOHAMMAD ZULHILMI HAJI MAJID
PENYORONG MALAYSIA DAN NEGARA

Abdi Panel
YBRS. PROFESOR EMERITUS
DR. RICHARD BERNARD BIN AHMAD
MANTAP PROFESOR EMERITUS UPM

KARNIVAL SEMARAK JAWI @ JAKIM 2021

POSTER PROMOSI

PERTANDINGAN SEMPENA PROGRAM SEMARAK JAWI @ JAKIM



**PEMENANG PERTANDINGAN
SEMPENA PROGRAM SEMARAK JAWI @JAKIM 2021**

Pemenang Pertandingan Tulisan Khat



PEMENANG PERTANDINGAN SEMPENA PROGRAM SEMARAK JAWI @JAKIM 2021



Pemenang Pertandingan Eja Jawi



Pemenang Pertandingan Eja Jawi



Pemenang Pertandingan
Cabaran Jejak Jawi



Pemenang Pertandingan
Pantun Jawi



Pemenang Pertandingan
Tinta Jawi Kreatif



Pemenang Pertandingan
Tinta Jawi Kreatif

BENKEL PENATARAN TULISAN JAWI

PENGENALAN

Bengkel Penataran Tulisan Jawi diadakan bagi mendedahkan masyarakat dengan inovasi pembelajaran dan pengajaran tulisan Jawi serta menggalakkan masyarakat menyertai aktiviti yang berkaitan dengan tulisan Jawi. Program ini diadakan secara dalam talian dan disiarkan secara langsung melalui Youtube PNM TV Channel.

Bengkel Penataran Tulisan Jawi 2021 telah diadakan sebanyak empat (4) siri pada bulan Jun dan Julai. Seramai 5,085 orang penonton mengikuti bengkel ini.

Siri 1: 4 Jun 2021



Bengkel Penataran Tulisan Jawi Siri 1: Kuasai Teknik Cepat Pandai Jawi bersama Ustazah Dalilah Binti Desa Munsyi Jawi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dari Sekolah Kebangsaan Patau-Payau, Labuan.

Siri 2: 11 Jun 2021



Bengkel Penataran Tulisan Jawi Siri 2: Penggunaan Kata Terbitan Dalam Tulisan Jawi oleh Ustazah Siti Rohayu Binti Mario

Siri 3: 18 Jun 2021



Bengkel Penataran Tulisan Jawi Siri 3: Dimanakah Kedudukan Huruf Hamzah bersama Ustazah Fadzilah

Siri 4: 2 Julai 2021




Bengkel Penataran Tulisan Jawi Siri 4: Seni Khat Warisan Budaya bersama Ustaz Abd Wahab Bin Khalid

STATISTIK PROGRAM PEMBUDAYAAN TULISAN JAWI

RINGKASAN STATISTIK PROGRAM SEMARAK JAWI 2019
HINGGA 2021

TAHUN	JUMLAH AKTIVITI	JUMLAH PESERTA/ KHALAYAK
2019	15	5,347
2020	50	165,660
2021	44	84,636



- Jumlah Aktiviti
- Jumlah Penyertaan/ Khalayak

Nota: Program/ aktiviti yang dilaksanakan oleh Bahagian Gerakan Literasi Maklumat sahaja



**PROGRAM
LITERASI MEDIA
DAN
MAKLUMAT**





MINGGU LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT (LMM) MEGA

2021



PROGRAM MINGGU LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT (LMM) MEGA 2021

Program Minggu Literasi Media dan Maklumat (LMM) Mega 2021 diadakan pada 24-31 Oktober 2021 sempena Minggu Literasi Media dan Maklumat Global UNESCO (*Global Media and Information Literacy Week UNESCO*). Program ini memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kepentingan kemahiran Literasi Media dan Maklumat dalam mendapatkan maklumat yang tepat dan sahih sekaligus dapat membendung penularan berita palsu. Program ini telah dilaksanakan secara dalam talian menerusi saluran Youtube PNM TV Channel. Perasmian program telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC). Seramai 346 orang penonton menyertai siaran langsung program ini iaitu Majlis Perasmian, Forum LMM: Keyboard Warrior di Musim Pandemi: Siapa Betul? dan Demonstrasi sistem e-LMM. Jumlah keseluruhan tontonan bagi ketiga-tiga pengisian program ini ialah sebanyak 2,220 tontonan. Manakala jumlah keseluruhan penyertaan bagi Kuiz e-Pintar LMM tahap asas, pertengahan dan lanjutan ialah seramai 1,369 orang peserta.



MINGGU LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT (LMM) MEGA

2021

PROGRAM MINGGU LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT (LMM) MEGA 2021

Pengisian Program

24-31 Oktober 2021

• Kuiz e-Pintar LMM

Kuiz ini dijalankan secara dalam talian. Peserta perlu menjawab soalan kuiz yang telah disediakan oleh urus setia melalui *pautan google form*. Hadiah wang tunai dan sijil diberikan kepada para pemenang.

26 Oktober 2021

• Majlis Perasmian Minggu Literasi Media dan Maklumat Mega.

Majlis perasmian ini telah dirasmikan oleh YBrs. Puan Saraya binti Arbi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)

• Forum LMM: Keyboard Warrior di Musim Pandemik: Siapa Betul?

Forum ini disiarkan secara langsung melalui saluran Youtube PNM TV Channel. Panel jemputan forum ini ialah YBrs. Dr. Edzan Che Nasir, Ahli Persatuan Pustakawan Malaysia dan YBrs. Dr. Shamila Mohamed Shuhidan, Pensyarah Fakulti Pengajian Maklumat, UiTM Puncak Perdana. Manakala moderator forum ialah Encik Yazid bin Ibrahim, Pustakawan Perpustakaan Negara Malaysia.

28 25 Oktober 2021

• Demonstrasi Sistem e-LMM

Demonstrasi Sistem e-LMM ini dikendalikan oleh Encik Rizal Ismail daripada IKE Solution Sdn. Bhd.

POSTER PROMOSI MINGGU LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT GLOBAL UNESCO

Program LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT MEGA 2021
 SEMPERNA MINGGU LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT GLOBAL UNESCO 2021

Dirasmikan oleh:
 YBrs. Puan Saraya binti Arbi
 Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan)
 Kementerian Pelancongan,
 Seni dan Budaya Malaysia

26 Oktober 2021 (Selasa)
 10.00 pagi
PNM Youtube Channel

Forum Literasi Media & Maklumat
 26 Oktober 2021 (Selasa)
 2.30 petang - 4.30 petang
 PNM Youtube Channel

Kuiz e-Pintar LMM
 24 Oktober - 31 Oktober 2021

Demonstrasi Sistem e-LMM
 28 Oktober 2021 (Khamis)
 10.00 pagi - 11.30 pagi
 PNM Youtube Channel

www.pnm.gov.my | PerustakaanNegeraMalaysia | PNM_Rasmi | pnm_rasmi | pnmtube | PNMrasmi | pnmsaluran sosial2

Program LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT MEGA 2021
 SEMPERNA MINGGU LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT GLOBAL UNESCO 2021

FORUM LMM: KEYBOARD WARRIOR DI MUSIM PANDEMI: SIAPA BETUL?
 26 Oktober 2021 (Selasa) | 2.30 petang - 4.30 petang
PNM Youtube Channel

Panel 1
 YBrs. Dr. Nor Edzan Che Nasir
 Persatuan Pustakawan Malaysia

Panel 2
 YBrs. Dr. Shamila Mohamed Shuhidan
 Fakulti Pengajaran Maklumat, UTM Puncak Perdana

Moderator
 Encik Yazid Ibrahim
 Perustakaan Negara Malaysia

www.pnm.gov.my | PerustakaanNegeraMalaysia | PNM_Rasmi | pnm_rasmi | pnmtube | PNMrasmi | pnmsaluran sosial2

Program LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT MEGA 2021
 SEMPERNA MINGGU LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT GLOBAL UNESCO 2021

Jom uji tahap literasi anda dengan menyertai
Kuiz e-Pintar LMM
 24 Oktober hingga 31 Oktober 2021

Terbuka kepada SEMUA

Kategori
 Tahap Asas : 7 tahun - 12 tahun
 Tahap Pertengahan : 12 tahun - 17 tahun
 Tahap Lanjutan : 18 tahun ke atas

Imbas Kod QR untuk penyertaan Kuiz e-Pintar Tahap Asas
 Imbas Kod QR untuk penyertaan Kuiz e-Pintar Tahap Pertengahan
 Imbas Kod QR untuk penyertaan Kuiz e-Pintar Tahap Lanjutan

Hadiah berupa WANG TUNAI bagi setiap kategori menanti anda
Jangan lepaskan peluang!!

www.pnm.gov.my | PerustakaanNegeraMalaysia | PNM_Rasmi | pnm_rasmi | pnmtube | PNMrasmi | pnmsaluran sosial2

Program LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT MEGA 2021
 SEMPERNA MINGGU LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT GLOBAL UNESCO 2021

Demonstrasi Sistem e-LMM
 28 Oktober 2021 (Khamis)
 10.00 pagi - 11.30 pagi
Zoom Meet dan PNM TV Channel
Terbuka kepada SEMUA

Imbas Kod QR untuk borang penyertaan

www.pnm.gov.my | PerustakaanNegeraMalaysia | PNM_Rasmi | pnm_rasmi | pnmtube | PNMrasmi | pnmsaluran sosial2

SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA & MAKLUMAT 2021

Bil.	Tarikh	Kumpulan Sasaran	Tempat	Bilangan Peserta
1.	8 April 2021	Kakitangan Kerajaan Bengkel Literasi Media dan Maklumat (LMM) bagi Lantikan Baharu Pembantu Pustakawan (S19) Siri I	Bilik Syarahan 2, Aras 5, Anjung Bestari PNM	12
2.	8 April 2021	Kakitangan Kerajaan Bengkel Literasi Media dan Maklumat bagi kakitangan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB)	Makmal GIS, Aras 10, KPLB	20
3.	9 April 2021	Pelajar IPT Taklimat Literasi Media dan Maklumat : Program Redah Sumber bagi Pelajar Institut Pendidikan Guru	Secara atas talian	50 (Dalam talian)
4.	5 Mei 2021	Kakitangan Kerajaan Bengkel Literasi Media dan Maklumat bagi Kakitangan Hospital Pulau Pinang	<i>Google Meet</i>	69 (Dalam talian)
5.	8 Jun 2021	Orang Awam	Pusat Sumber IPGKTHO/ Saiaran Langsung Facebook	3,367 (Dalam talian)

SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA & MAKLUMAT 2021

Bil.	Tarikh	Kumpulan Sasaran	Tempat	Bilangan Peserta
6.	16 Jun 2021	Kakitangan Kerajaan Bengkel Literasi Media dan Maklumat (LMM) bagi Lantikan Baharu Pembantu Pustakawan (S19) Siri II	<i>Google Meet</i>	12 (Dalam talian)
7.	28 – 29 Jun 2021	Kakitangan Kerajaan Bengkel SME LMM PNM	<i>Google Meet</i>	23 (Dalam talian)
8.	17 Ogos 2021	Orang Awam Bengkel Literasi Media dan Maklumat (LMM)	Siaran Langsung Facebook Perpustakaan Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak (IPGKTAR)	194 (Dalam talian)
9.	1 – 3 September 2021	Kakitangan Kerajaan Bengkel Literasi Media dan Maklumat (LMM)	Webex anjuran Politeknik Tawau Sabah	33 (Dalam talian)
10.	14 September 2021	Kakitangan Awam Bengkel Literasi Media dan Maklumat bagi Pustakawan (S41) dan Penolong Pustakawan (S29) lantikan baharu PNM	<i>Zoom Meet</i>	21 (Dalam talian)

SENARAI PELAKSANAAN PROGRAM LITERASI MEDIA & MAKLUMAT 2021

Bil.	Tarikh	Kumpulan Sasaran	Tempat	Bilangan Peserta
11.	21 September 2021	Orang Awam Taklimat Celik Maklumat: Literasi Media dan Maklumat sempurna Program Minggu Digital@PNM	Siaran Facebook (Rakaman Awal)	252 (Dalam talian)
12.	29 September 2021	Kakitangan Awam Bengkel Eplorasi Literasi Maklumat	Hospital Umum Sarawak <i>Zoom Meeting</i>	60 (Dalam talian)
13.	28 Oktober 2021	Demonstrasi Sistem e-LMM	Youtube PNM TV Channel	94 (Dalam talian)
JUMLAH PESERTA FIZIKAL				32
JUMLAH PESERTA ONLINE				4,175
JUMLAH PESERTA KESELURUHAN SEHINGGA 2021				4,207

Nota Rujukan: Taklimat/Ceramah/ - Program LMM yang dikendalikan dalam tempoh kurang dari 3 jam

Bengkel/Kursus/Kem - Program LMM yang dikendalikan dalam tempoh 4 jam sehingga 3 hari (maksimum)

STATISTIK PROGRAM LITERASI MEDIA DAN MAKLUMAT

Statistik Ringkas Literasi Media dan Maklumat (LMM) 2021


KATEGORI	PENCAPAIAN	
	Bilangan Program	Bilangan Peserta (Orang/ views)
LMM UMUM	13	32/ 4,175
JUMLAH	13	32/ 4,175

Statistik Program Literasi Media dan Maklumat (LMM) 2019 Hingga 2021


BIL.	TAHUN	JUMLAH PROGRAM/AKTIVITI	JUMLAH PESERTA/KHALAYAK
1.	2019	38	3,406
2.	2020	16	15,358
3.	2021	16*	6,426
JUMLAH		70	25,190


*Termasuk program/aktiviti yang dilaksanakan sempena Minggu Literasi Media dan Maklumat Global UNESCO






**PROGRAM
GALAKAN
MEMBACA
PERPUSTAKAAN
AWAM NEGERI**







**STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA
PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI 2020**

BIL.	NEGERI	JUMLAH PROGRAM/AKTIVITI	JUMLAH PENYERTAAN
1.	Johor*	47	444,555
2.	Kedah	3,735	685,637
3.	Kelantan	1,680	439,568
4.	Melaka	56,237	212,567
5.	Negeri Sembilan	1,003	241,922
6.	Pahang	4,024	455,085
7.	Perak*	4,197	116,630
8.	Perlis	871	44,143
9.	Pulau Pinang	63	1,243,430
10.	Sabah	5,511	946,906
11.	Sarawak	1,407	33,849
12.	Selangor*	14,321	356,966
13.	Terengganu	2,136	15,188
14.	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**	16	5,284
	Wilayah Persekutuan Labuan**	125	5,296
	Wilayah Persekutuan Putrajaya**	32	3,680
	JUMLAH	95,405	5,250,706

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia, 2021

*Termasuk Perpustakaan yang diurus tadbir oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

**Perpustakaan yang diurus tadbir oleh Pihak Berkuasa




**PROGRAM
GALAKAN
MEMBACA
PERPUSTAKAAN
DESA PNM**

**STATISTIK PROGRAM GALAKAN MEMBACA
PERPUSTAKAAN DESA PNM 2021**


BIL.	NEGERI	JUMLAH PERPUSTAKAAN	JUMLAH AKTIVITI	JUMLAH PENYERTAAN
1.	Johor	37	5,850	174,589
2.	Kedah	57	9,532	193,468
3.	Kelantan	34	6,639	201,913
4.	Melaka	28	7,430	150,484
5.	Negeri Sembilan	60	9,791	238,928
6.	Pahang	33	4,097	113,828
7.	Perak	43	3,138	87,393
8.	Perlis	36	3,747	100,730
9.	Pulau Pinang	32	3,443	120,490
10.	Sabah	51	191	5,515
11.	Sarawak	38	5,108	68,530
12.	Selangor	16	2,985	79,739
13.	Terengganu	39	7,328	200,451
14.	W.P Labuan	3	2,144	17,444
	JUMLAH	507	71,423	1,760,858

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia, 2021





**STATISTIK
PROGRAM
GALAKAN
MEMBACA
KEBANGSAAN**



BILANGAN PROGRAM/AKTIVITI GALAKAN MEMBACA DAN PENYERTAAN KHALAYAK SELURUH PERPUSTAKAAN DI MALAYSIA PADA TAHUN 2021

BIL.	PERPUSTAKAAN	BILANGAN PERPUSTAKAAN	PROGRAM/ AKTIVITI	PENYERTAAN (ORANG)
1.	Perpustakaan Negara Malaysia	1	80	33,662
2.	Perpustakaan Komuniti	4	6	282
3.	Perpustakaan Awam Negeri (PAN)	918	95,405	5,250,706
4.	Perpustakaan Desa PNM	507	71,423	1,760,858
5.	Perpustakaan Desa PAN	581	101,430	932,070
6.	Perpustakaan Akademik (Universiti Awam, Universiti Swasta, Kolej/ Institusi Swasta)	428	3,805	533,829
7.	Perpustakaan Khusus Gunasama	529	1,650	122,092
JUMLAH		2,968	273, 799	8,633,499

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia 2021



**STATISTIK PERBANDINGAN PROGRAM/AKTIVITI
KESELURUHAN DARI TAHUN 2009 HINGGA 2021**

BIL.	TAHUN	PROGRAM/AKTIVITI	PENYERTAAN (ORANG)
1.	2009	8,798	1,700,000
2.	2010	11,700	703,091
3.	2011	25,962	2,485,925
4.	2012	49,570	3,214,066
5.	2013	59,040	3,495,317
6.	2014	63,662	3,839,794
7.	2015	81,792	4,494,386
8.	2016	85,436	7,240,926
9.	2017	98,254	10,058,821
10.	2018	96,223	10,186,436
11.	2019	114,860	10,860,177
12.	2020	132,466	7,375,474
13.	2021	166,914	7,045,508
JUMLAH		827,763	65,654,413

Sumber: Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan Negara Malaysia 2021





KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

232 JALAN TUN RAZAK

50572 KUALA LUMPUR

TEL: 03-2687 1700

FAKS: 03-2694 2490



www.pnm.gov.my



PerpustakaanNegaraMalaysia



PNM_Rasmi



pnm_rasmi



pnmytube



PNMrasmi



pnmsaluransosial2



pnm_rasmi